

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	Dalam Negeri / Front Page
Date	Fri, 27th May 2016	Lead Article	No
Headline	GLIC , G20 Lepasi KPI Tahun Lalu		

GLIC, G20 lepassi KPI tahun lalu

KUALA LUMPUR 26 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, lima buah syarikat pelaburan milik kerajaan (GLIC) dan 17 syarikat milik kerajaan (GLC) atau G20 berjaya melepasi petunjuk prestasi utama (KPI) Agenda Pemerkasaan Bumiputera (BEA) bagi tahun 2015.

Perdana Menteri berkata, kesemua GLIC dan G20 itu berjaya mencatatkan pencapaian KPI 91.5 peratus dengan nilai inisiatif keseluruhan sebanyak RM44.7 bilion pada tahun lalu berbanding RM43.8 bilion pada tahun sebelumnya.

Katanya, antara kejayaan pada tahun lalu adalah pemerolehan sebanyak RM11.8 bilion daripada syarikat bumiputera manakala RM2.3 bilion daripada nilai pengagihan khusus.

"Selain itu, GLIC dan G20 turut melantik 49 vendor baharu di bawah program-program pembangunan vendor, mewujudkan dua konsortium rangkaian runcit dan ternakan serta melatih 9,544 siswazah di bawah program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, bangunan Parlimen hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pengerusi Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Prinsip Dasar Program Transformasi GLC dilaksanakan pada 2005 hingga tahun lalu meliputi prinsip pertumbuhan secara saksama pembangunan masyarakat bumiputera.



Selain itu, GLIC dan G20 turut melantik 49 vendor baharu di bawah program-program pembangunan vendor, mewujudkan dua konsortium rangkaian runcit dan ternakan serta melatih 9,544 siswazah di bawah program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Mengulas lanjut, Najib berkata, KPI GLIC dan G20 akan dipertingkatkan bagi tahun ini dengan beberapa inisiatif yang digubal beliau bersama menteri dan melalui sesi White Room bersama pengerusi-pengerusi dan ketua-ketua pegawai eksekutif syarikat terlibat.

Beliau berkata, inisiatif-inisiatif yang dirancang menyasarkan pelantikan 70 vendor baharu, lapar jaguh nasional dan satu jaguh serantau melalui Program Pembangunan Vendor (PPV).

Jelas beliau, selain itu pemerolehan syarikat bumiputera pula ditetapkan pada RM11 bilion dan melatih 15,000 siswazah di bawah SL1M.

Katanya, Khazanah selaku urus setia program berkenaan akan terus memperkemarkan mandat dan struktur pelaksanaan BEA supaya mampu memberikan lebih banyak manfaat kepada masyarakat bumiputera dan negara.